



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	8/10/2018	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHUTANAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Tambah hutan simpan kekal

Sasar 250, 500 hektar sebelum akhir tahun

MOHD UZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR

Kerajaan negeri sedang giat menambah keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) kira-kira 250, 500 hektar sebelum akhir tahun ini.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi, Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, pertambahan HSK itu meliputi kawasan Taman Alam, Kuala Selangor dengan keluasan 290 hektar. "Ini belum termasuk

beberapa kawasan tanah penggantian daripada projek infrastruktur lebuh raya dan projek melibatkan HSK," katanya pada Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Hutan Simpanan Kuala Bernam, Sungai Haji Dorani di sini, semalam.

Loy Sian berkata, terkini, kerajaan negeri berjaya menambah jumlah keluasan HSK daripada 250,129 hektar kepada 250,209 hektar dengan pertambahan 80 hektar.

"Walaupun pertambahan ini begitu kecil, namun kerajaan negeri berkeyakinan penuh dan meletakkan komitmen yang tinggi bahawa keluasan HSK akan meningkat pada masa akan datang," katanya. Beliau berkata, kerajaan negeri juga mengkehendaki kawasan yang terlibat dengan



FOTO: BERNAMA

Xavier menyerahkan anak pokok kepada salah seorang ketua kampung sambil diperhatikan Loy Sian (dua, kiri) di Sungai Haji Dorani, semalam.

pemansuhan HSK hendaklah digantikan dengan kawasan lebih luas berbanding keluasan tanah HSK yang diman-

subkan. "Ini terkandung di bawah Seksyen 11, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Ne-

gara 1985. "Selain itu, kita juga mewajibkan suatu proses penyiasatan awam hendaklah di-

Pada masa ini, kerajaan negeri berjaya menambah jumlah keluasan HSK daripada 250,129 hektar kepada 250,209 hektar dengan pertambahan sejumlah 80 hektar

laksanakan sekranya berlaku pemansuhan HSK seperti mana terkandung di dalam Kaedah Penyiasatan Awam Selangor 2014," katanya. Beliau memberitahu, kerajaan Selangor yakin dan memberi jaminan bahawa jumlah keluasan HSK menjelang tahun 2020 meningkat. "Keluasan ini melebihi 250,500 hektar atau meningkat menjadi 31.6 peratus berbanding keluasan tanah di Selangor," katanya.

